

'Saya bukan boneka sesiapa'

Perdana Menteri sangkal dakwaan ikut telunjuk DAP dalam tadbir Kerajaan Perpaduan

Oleh Fahmy A Rosli dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau bukan boneka kepada mana-mana pihak dan tidak boleh dibeli dengan wang ringgit.

Menyangkal kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa sebagai mengikut telunjuk DAP dalam mentadbir Kerajaan Perpaduan ketika ini, Perdana Menteri berkata, DAP tidak pernah berbuat demikian.

"Kata kita tunduk kepada DAP yang kuasai kerusi. Perdana Menteri saya. Saya bukan boneka sesiapa.

"Alhamdulillah umur akan mencecah 76. Saya tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Kalau boleh dibeli, saya sudah lama melencong," kata Perdana Menteri berucap pada Majlis Peluncuran Buku *Adab Perbezaan Dalam Islam* di Kompleks Islam Putrajaya di sini, semalam.

Dalam kenyataan terbaharunya, Dr Mahathir kelmarin mendakwa DAP mempunyai pengaruh yang kuat dalam Kerajaan Perpaduan pimpinan Anwar.

Bekas Ahli Parlimen Langkawi itu juga mendakwa, kerajaan Anwar akan jatuh jika DAP menarik sokongan berikutan biarpun hanya ada empat menteri daripada DAP dalam Kabinet, tetapi dalam kerajaan terdapat 40 ahli DAP.



Anwar menerima buku daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Hakimah Mohd Yusoff sambil diperhatikan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Zuki pada Majlis Peluncuran Buku *Adab Perbezaan Dalam Islam* di Kompleks Islam Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) dan Presiden PKR berkata, sepanjang beliau menerajui pentadbiran Kerajaan Perpaduan, DAP langsung tidak mempertikai program berkaitan orang Melayu dan Islam.

Malah, beliau mendedahkan wakil DAP menganggotai Kabinetnya mempunyai prinsip bertolak ansur yang menjadi amalan dalam Kerajaan Perpaduan.

Susulan itu, beliau menegaskan, pihak yang selalu mendakwa DAP 'tidak mesra' Melayu dan Islam supaya 'cermin diri sendiri' kerana kerap kali menyalahkan orang lain atas kegagalan sebelum ini.

"Saya bukan nak pertahankan kawan-kawan saya yang DAP ini. Mereka dalam Jemaah Menteri sudah tujuh bulan. KSN (Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Zuki Ali) ada dalam mesyuarat jemaah menteri, belum ada sekali pun (mereka) pertikai program untuk Melayu, untuk orang miskin, untuk Islam," katanya.

Anwar juga menegaskan, Dr Mahathir tidak wajar meletakkan keagalannya sebagai Perdana Menteri Keempat dan Ketujuh kepada pihak lain.

"Kalau kamu yang gagal dahulu, kamu pemimpin berpuluh tahun, itu salah kamu. Bukan salah penyokong kamu.

"Mengapa ekonomi Melayu tidak terangkat sekarang? Mengapa semua mesti saya selesaikan dalam tujuh bulan? Dengan hutang RM1.5 trilion, Tun Razak (Perdana Menteri Kedua) mula hutang, untuk apa? Buka FELDA, jalan luar bandar, sekolah-sekolah baharu. Itu keputusan baik yang saya sokong.

"Tapi hutang kemudian itu apa? Projek mega untuk disakau berbilion. Kemudian mahu kita pertahan (negara) dengan guna Melayu dan Islam," katanya.

Anwar memberi jaminan selagi diamanahkan sebagai pemimpin, beliau tidak akan mengizin-

kan amalan 'sakau' duit dilakukan kalangan menterinya, termasuk dirinya.

"Yang sudah berlalu biar berlalu. Tidak usah cakap soal sejarah. Ramai yang terpalit. Tak usah cakap. Kalau saya tahu dalam rekod nak cari yang cukup bersih payah. Yang bercakap bersih itu ramai, tapi yang menyakau terlalu ramai," katanya.

Beliau memberi jaminan akan terus mempertahankan hak dan keadilan kepada semua warganegara Malaysia, termasuk mereka yang bukan beragama Islam.

Anwar berkata, kerajaan membuka ruang untuk mana-mana pihak yang berbeza pendapat namun ia mestilah tidak melanggar etika sedia ada.

"Boleh berbeza pendapat, ada ruang berbeza pendapat, ada disebut etika berbeza pandangan dalam Islam, walaupun anda memutuskan untuk tidak bersetuju, terdapat prinsip etika yang mendasarinya. Tidak boleh kita langgar dasar etika," katanya.